

📍 Pesuruhjaya Khas Cukai
Pendapatan, Putrajaya

📅 20 Mei, 2021

🏛️ Jabatan Undang-Undang,
LHDNM

PANEL

Puan Hanim Abdul Rahman

PEGUAM BAGI KPHDN

Mohd Shafuddin Hasan

Nur Farahida Kamarudein

PEGUAM BAGI PERAYU

Khor Boon Teck

(Khor Taxation Services Sdn

Kata kunci: hutang ragu – subseksyen 24(1), seksyen 34, perenggan 13 Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pembayar Cukai adalah syarikat yang menjalankan perniagaan membekal, menjual dan membuat kontrak produk kaca dan aluminium. Bagi Tahun Taksiran 2012 – 2015, Pembayar Cukai telah membuat peruntukan hutang ragu (*provision for doubtful debts*) dan menuntut potongan dalam tahun taksiran yang sama hutang ragu tersebut dilaporkan sebagai pendapatan kasar syarikat.

Pembayar Cukai mendakwa bahawa peruntukan hutang ragu bagi tahun-tahun taksiran yang dituntut tersebut adalah layak sebagai potongan di bawah subseksyen 34(2) dan 34(3) ACP 1967 atas alasan, antaranya bahawa subseksyen tersebut tidak menetapkan bahawa peruntukan hutang ragu hanya boleh dibuat untuk hutang bagi tahun taksiran sebelumnya.

KPHDN menghujahkan bahawa berdasarkan subseksyen 34(1), 34(2), 34(3) dan 24(1) ACP 1967 serta prinsip undang-undang yang telah diputuskan oleh mahkamah, tuntutan hutang ragu hanya boleh dibuat sekiranya kesemua syarat telah dipenuhi. Dalam kes ini, Pembayar Cukai tidak memenuhi syarat kerana fakta jelas menunjukkan Pembayar Cukai telah menuntut hutang ragu tersebut dalam tahun asas yang sama hutang tersebut diambil kira sebagai pendapatan kasar Pembayar Cukai.

Selain itu, Pembayar Cukai juga gagal mengambil langkah-langkah wajar dan munasabah dalam usaha memungut dan/atau mengutip semula hutang tersebut kerana hanya surat tuntutan dikeluarkan terhadap penghutang-penghutang. Oleh itu, hutang tersebut masih bersifat “recoverable” dan tidak terjatuh di bawah skop seksyen 34 ACP 1967.

PKCP memutuskan bahawa rayuan Pembayar Cukai ditolak dan taksiran-taksiran tambahan dan penalti yang dibangkitkan oleh KPHDN dikekalkan.